

05 SEP 2001

SEA-Mahathir

MALAYSIA MAMPU JADIKAN SUKAN SEA KALI INI YANG TERBAIK, KATA PM

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin Malaysia mampu menjadikan Sukan SEA Ke-21 yang bermula Sabtu ini sebagai yang terbaik pernah dianjurkan.

Beliau meminta lebih 6,000 sukarelawan dan petugas yang terlibat dalam penganjaran sukan itu mengutamakan kepentingan negara di atas segala yang lain-lain dan mengenyahkan kekurangan yang mungkin timbul.

Malaysia katanya, mampu mengulangi kejayaan menganjurkan Sukan Komanwel 1998 dan lain-lain acara antarabangsa, pada Sukan SEA kali ini.

"Tunjukkan kepada dunia kita mampu anjurkan Sukan SEA sebagaimana kita jayakan Sukan Komanwel," katanya dalam amanat kepada semua yang terlibat dalam menjayakan temasya kali ini.

Amanat itu disampaikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishamuddin Tun Hussein selepas raptai upacara pembukaan Sukan SEA di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata raptai ini bukan sahaja penting untuk mendapatkan kesempurnaan pengurusan upacara pembukaan rasmi tetapi juga titik bermulanya kemeriahan rakyat negara ini menyambut temasya sukan yang diadakan di Malaysia buat kali kelima.

Dr Mahathir juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada anggota-anggota keselamatan yang terdiri daripada 7,000 anggota polis, 1,500 tentera dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Perdana Menteri berkata pemilihan mereka merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan di atas kesanggungan menyumbangkan tenaga bakti dan ia tidak dapat diganti dengan nilai wang ringgit.

Sementara itu, Hishammuddin berkata Jemaah Menteri bangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia, terutamanya mereka yang terlibat dalam penganjaran sukan itu.

Raptai malam ini merupakan yang terakhir diadakan.

Upacara pembukaan akan melibatkan 2,001 orang anggota koir Rakan Muda, 70 pemain dram pelbagai kaum, 1,400 orang yang terlibat dalam "human formation" dan 1,500 anggota kumpulan Waja Diri pelbagai kaum.

Temasya kali ini yang disertai 10 negara Asean akan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sabtu ini.

-- BERNAMA

AR ZS MOZ